



Anwar beramah mesra dengan tetamu pada Persidangan China-Asia Tenggara 2025 di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

ASEAN perlu memimpin, integrasi teknologi baharu

Anwar mahu negara tumpu kerjasama bersifat transformasi, berorientasi masa depan

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur: ASEAN perlu memimpin dan berhenti bertindak balas mengikut perubahan global.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kejayaan ASEAN bergantung pada kemampuan rantaunya untuk mengintegrasikan teknologi baharu, membangunkan rangka kerja ekonomi yang kukuh dan memastikan masa depan lebih adil serta mampan untuk semua.

Katanya, selama ini China adalah rakan ekonomi paling penting kepada ASEAN dan hubungan itu akan terus menjadi asas kestabilan serantau.

"Namun, apabila dinamik ekonomi global berkembang, kita juga mesti menyesuaikan diri dengan cabaran dan peluang baharu.

"Ini bermakna kita perlu melangkaui angka perdagangan dan pelaburan tradisional serta memberi tumpuan kepada kerjasama yang bersifat transformasi dan berorientasikan masa depan," katanya pada Persidangan China-Asia Tenggara 2025 di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Naib Pengerusi Chinese People's Political Consultative Conference, CY Leung; Ketua Eksekutif Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong, John KC Lee dan Setiausaha Keadilan, Kerajaan Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong, Paul Lam Ting-kwok.

Daya tahan ekonomi ASEAN

Anwar berkata, daya tahan ekonomi ASEAN bergantung pada keberkesannya mengharungi tiga cabaran kritikal, iaitu gangguan rantaian bekalan dan keselamatan tenaga dan kelestarian serta ekonomi digital dan kecerdasan buatan (AI).

Katanya, ASEAN mesti menjadi hab yang boleh dipercayai untuk perdagangan dan pelaburan global dengan mengurangkan kerentanan terhadap kejutan luaran.

"Kita perlu memperkukuh asas industri melalui pelaburan dalam pembuatan maju, semikonduktor dan teknologi hijau akan jadi keutamaan.

"Kedua, keselamatan tenaga dan kelestarian, iaitu Rangkaian Tenaga ASEAN dan pelaburan dalam tenaga boleh diperbaharui akan menjadi tunjang dalam memastikan pertumbuhan ekonomi yang mesra iklim serta berorientasi jangka panjang.

"Sasaran Malaysia untuk mencapai 70 peratus tenaga boleh diperbaharui menjelang 2050 akan menjadi penanda aras bagi usaha kelestarian yang lebih luas di peringkat ASEAN," katanya.

Anwar berkata, Perjanjian Rangka Kerja Ekonomi Digital ASEAN mesti berfungsi sebagai pemangkin transformasi serantau dengan mengutamakan tabir urus AI, keselamatan siber dan keterangkuman digital.

"Bagi memastikan semua negara anggota ASEAN dapat memanfaatkan sepenuhnya kemajuan teknologi, kita mesti mewujudkan standard bersama untuk perlindungan data, memudahkan perdagangan digital rentas sempadan yang lancar dan melabur dalam inisiatif pembangunan kapasiti yang merapatkan jurang digital.

"Dengan menggalakkan ekosistem digital yang selamat, inovatif dan inklusif, ASEAN boleh meletakkan dirinya di barisan hadapan ekonomi digital global, memacu pertumbuhan mampan dan kemakmuran bersama untuk rantau ini," katanya.

Dalam ucapannya, Anwar turut menegaskan, Malaysia kekal berpendirian untuk tidak berikat dan terjerumus dalam persaingan kuasa besar.

Katanya, Malaysia menolak paksaan ekonomi dan tindakan unilateralisme yang merosakkan kestabilan serantau.

"Kita menyokong sistem multilateral berasaskan peraturan yang memastikan keadilan, ketelusan dan perwakilan untuk semua, terutama bagi Global South.

"ASEAN juga mesti memperluas pembabitan pada peringkat global melebihi rakan kongsi tradisional, memperkukuh hubungan dengan China, Majlis Kerjasama Teluk (GCC), BRICS dan ekonomi pesat berkembang lain," katanya.